



Ketegasan Iran wajar dicontohi, pemimpin Islam perlu berani pertahan kedaulatan – YB Mohd Asri

ISSN 1311-6891 | SYAWAL 1447H | 03-09 APRIL 2026

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

**Kerja kebajikan urusan dengan Allah, bukan sekadar hulur bantuan - Exco Kebajikan**

**Khidmat Malaysia perkemas strategi, tingkat kesiapsiagaan hadapi bencana**

**Hasil padi Kelantan masih stabil walau berdepan kemarau - Exco Pertanian**

## Perpecahan lemahkan umat, pemimpin-rakyat perlu sedar demi penyatuan – MB Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

**KUALA NERUS**, 6 April – Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud menegaskan bahawa sejarah telah membuktikan perpecahan mampu berlaku walaupun dalam kalangan saudara sendiri, sekali gus menuntut kesedaran pemimpin-rakyat untuk memperkukuh perpaduan ummah.

Beliau berkata, peristiwa perbalahan antara kaum Aus dan Khazraj yang berlarutan selama 120 tahun sebelum disatukan oleh Nabi Muhammad SAW menjadi pengajaran besar kepada umat Islam masa kini.

“Islam menyatukan, tetapi kita hari ini berpecah walaupun sesama sendiri. Rakyat perlu sedar dan pemimpin perlu lebih sedar untuk memastikan perpaduan dapat dicapai,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Pidato Penyatuan Ummah sempena Ijtimak Antarabangsa Perpaduan Ummah Kali



Ke-5 dan Himpunan Alam Melayu 2026 di Kompleks Sukan Negeri Terengganu, di sini, pada Sabtu.

Menurutnya, perpaduan ummah merupakan tuntutan yang diwajibkan oleh Allah SWT, dengan perintah jelas supaya umat Islam bersatu serta menjauhi perpecahan yang boleh melemahkan kekuatan.

Katanya, walaupun umat Islam dianggarkan berjumlah kira-kira dua bilion atau 25 peratus daripada populasi dunia, kelemahan tetap berlaku akibat ketiadaan kesatuan

yang kukuh.

Beliau menjelaskan bahawa asas kepada penyatuan ialah ketiaan kepada Allah dan Rasul, di samping menjauhi pertelingkahan serta perpecahan yang boleh mengahakis kekuatan umat.

Tambahnya, keadaan umat Islam hari ini juga telah digambarkan dalam hadis Rasulullah SAW sebagai umat yang dikerumuni musuh seperti orang lapar mengerumuni makanan, meskipun jumlahnya ramai namun tidak

“Islam menyatukan, tetapi kita hari ini berpecah walaupun sesama sendiri. Rakyat perlu sedar dan pemimpin perlu lebih sedar untuk memastikan perpaduan dapat dicapai,”

mempunyai kekuatan, seumpama buih di lautan.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan bahawa peranan pemimpin amat penting dalam menjayakan agenda perpaduan, selain menyeru rakyat agar bijak dalam menentukan kepimpinan.

Tegasnya, perpaduan hanya dapat dicapai melalui sikap tolak ansur, dengan bekerjasama dalam perkara yang dipersetujui serta berlapang dada dalam perkara yang tidak dipersetujui.



# Ijtimak Perpaduan Ummah satukan fikrah, arah perjuangan diselaras - MB Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

**KUALA NERUS, 5 April** – Ijtimak Antarabangsa Perpaduan Ummah kali ke-5 menjadi medan penyatuan fikrah, penyelarasan hala tuju serta pengukuhan tekad perjuangan umat Islam dalam satu saf yang utuh.

Demikian kenyataan Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud yang hadir bersama barisan kepimpinan Menteri Besar SG4 bagi memeriahkan program anjuran Kerajaan Negeri Terengganu.

Program berskala global itu berlangsung selama tiga hari penuh bermula pukul 9.00 pagi Khamis dan berakhir pukul 11.30 malam pada Sabtu di Pekarangan Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Gong Badak.

Sehubungan itu, Dato' Mohd Nassuruddin menyifatkan program yang mendukung intelektual, memartabatkan budaya dan memelihara warisan itu sebagai titik penting dalam memperkukuh kesatuan ummah.

Beliau menegaskan, himpunan berkenaan melangkaui konsep pertemuan biasa, sebaliknya berperanan sebagai wahana strategik



dalam membina kesedaran kolektif umat Islam.

“Ini adalah titik temu antara pemimpin dan umat, tempat di mana suara disatukan, arah diperkemas, dan masa depan digerakkan dengan satu jiwa.

“Apabila ummah sudah bersatu dengan kesedaran, musuh tidak lagi berdepan individu tetapi satu kekuatan yang tidak boleh dipecahkan,” katanya menerusi media sosial, pada Sabtu.

Majlis tersebut disempurnakan oleh tokoh ulama dunia yang juga Ahli Parlimen Marang YB Tan Sri Dato' Sri Tuan Guru Abdul Hadi

Awang.

Beliau juga menyampaikan syarahan bersama tokoh antarabangsa iaitu Duta Besar Republik Islam Iran ke Malaysia Vaiollah Mohammadi Nasarabad dan da'ie ummah sejagat Dr Zakir Abdul Karim Naik.

Menurut Dato' Mohd Nassuruddin, pengisian syarahan yang disampaikan tiga ikon dunia itu berperanan sebagai panduan dalam menggerakkan arus kebangkitan ummah secara lebih tersusun dan berstrategi.

Mengulas lanjut, beliau berkata kematangan siasah yang diperlukan

“Di sinilah terzahir wajah sebenar kematangan politik, bukan retorik kosong tetapi seni menyatukan perbezaan menjadi kekuatan. Alam Melayu tidak dibina atas emosi, tetapi atas kesedaran bahawa perpaduan adalah strategi, dan kesatuan adalah kuasa,”

umat Islam hari ini yang menuntut kebijaksanaan dalam menyatukan perbezaan sebagai kekuatan bersama.

“Di sinilah terzahir wajah sebenar kematangan politik, bukan retorik kosong tetapi seni menyatukan perbezaan menjadi kekuatan. Alam Melayu tidak dibina atas emosi, tetapi atas kesedaran bahawa perpaduan adalah strategi, dan kesatuan adalah kuasa,” tegasnya.

Turut hadir, Pengarah Ijtimak Antarabangsa Perpaduan Ummah ke-5 dan Himpunan Alam Melayu 2026 YB Dr Muhammad Khalil Abdul Hadi.



# Ketegasan Iran wajar dicontohi, pemimpin Islam perlu berani pertahan kedaulatan – YB Mohd Asri

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 6 April** – Keberanian dan ketegasan Iran dalam menghadapi konflik semasa wajar dicontohi pemimpin dunia Islam agar tidak tunduk kepada tekanan kuasa besar seperti Amerika Syarikat, sebaliknya berani mempertahankan prinsip serta kedaulatan negara masing-masing.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, pendirian tegas Iran itu memberi mesej jelas kepada musuh dan memperlihatkan kekuatan sebuah negara yang berpegang teguh kepada prinsip.

Menurutnya, ketegasan tersebut terbukti mampu menggerunkan pihak lawan termasuk Amerika Syarikat dan Israel dalam konflik yang sedang berlangsung.

Beliau berkata demikian sebagai



reaksi terhadap pidato Duta Besar Republik Islam Iran ke Malaysia Valiollah Mohammadi Nasarabadi sempena Ijtimak Antarabangsa Perpaduan Ummah di Terengganu, pada 4 April lalu.

“Iran menegaskan sekiranya terdapat negara Arab yang membenarkan serangan ke atasnya melalui pangkalan tentera Amerika Syarikat di negara mereka, maka lokasi tersebut juga akan menjadi sasaran


tindakan balas,” katanya menerusi media sosial, pada Ahad.

Tambahnya, Iran turut menunjukkan komitmen tinggi dalam mempertahankan rakyatnya yang menjadi korban akibat konflik berpanjangan, di samping menghargai solidariti umat Islam dari pelbagai negara yang menjadi sumber kekuatan moral.

Dalam masa sama, beliau berkata kekuatan spiritual menjadi

tunjang utama perjuangan Iran, dengan keyakinan bahawa pertolongan Allah SWT akan hadir selagi mereka berada di landasan yang benar serta bertawakal kepada-Nya.

Menurut YB Mohd Asri lagi, mesej yang disampaikan oleh wakil Iran itu kekal konsisten dan tidak berubah walaupun diungkapkan di mana-mana pentas, termasuk di Washington atau Tel Aviv.



## Kelantan–AirAsia agresif teroka pasaran Jakarta



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA DARULNAIM, 5 April** – Kerajaan Negeri Kelantan mempergiat langkah strategik secara agresif bersama AirAsia bagi menembusi pasaran pelancongan Jakarta dalam usaha memperluas capaian antarabangsa serta memperkukuh kedudukan negeri sebagai destinasi pilihan serantau.

Usaha tersebut digerakkan menerusi mesyuarat strategik bersama pasukan AirAsia yang dipengerusikan Exco Jawatankuasa Pelancon-

gan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan,

YB Datuk Kamarudin Md Nor di pejabatnya di Kota Darul Naim, Khamis lalu.

Menurut Datuk Kamarudin, mesyuarat berkenaan memberi fokus kepada penyusunan semula strategi promosi yang lebih ter-sasar dan berimpak tinggi, selain memperkasa kerjasama pintar bagi menarik kemasukan pelancong antarabangsa khususnya dari Indonesia.

“Kerjasama dengan AirAsia di-

lihat sebagai langkah proaktif yang mampu memanfaatkan kekuatan rangkaian penerbangan serta keupayaan pemasaran syarikat itu di peringkat serantau.

“Kerajaan Negeri komited untuk terus mengukuhkan kedudukan Kelantan sebagai destinasi pelancongan pilihan dengan menampilkan keunikan budaya, warisan dan produk pelancongan tempatan yang autentik,” katanya menerusi media sosial, pada Khamis.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan bahawa kolaboratif strategik dengan pemain industri penerbangan membuka ruang lebih

luas dalam mempertingkatkan capaian pasaran, sekali gus meningkatkan jumlah kemasukan pelancong asing ke negeri ini.

“Pendekatan ini berpotensi menambah laluan penerbangan dan mampu merangsang pertumbuhan ekonomi setempat melalui sektor pelancongan yang lebih dinamik dan berdaya saing,” ujarnya.

Tambahnya, pasaran Jakarta dikenal pasti sebagai antara sasaran utama berikutan persamaan budaya serta hubungan erat antara Malaysia dan Indonesia yang memudahkan pelaksanaan promosi secara lebih efektif dan berfokus.



# MExUnity perkukuh kerjasama perpaduan persekutuan dan negeri

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 5 April** – Mesyuarat Menteri Perpaduan Negara bersama Exco-Exco Perpaduan Negeri serta Exco Hal Ehwal Agama Selain Islam (MEx-Unity) pertama bagi tahun 2026 berlangsung di Sepang sebagai langkah memperkukuh kerjasama antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam aspek perpaduan nasional.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Mohamad berkata, mesyuarat itu menjadi platform penting bagi menyelaras dasar serta inisiatif perpaduan secara lebih tersusun, inklusif dan berimpak tinggi kepada masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Menurutnya, antara agenda ut-



ma yang dibincangkan termasuk cadangan penubuhan Pusat Mediasi Komuniti serta Pusat Rujukan Isu Sensitif Masyarakat (PRIS-MA).

“Inisiatif ini dilihat sebagai langkah proaktif dalam menangani isu-isu perpaduan secara lebih berfokus, selain berasaskan data dan keperluan semasa masyarakat.

“Melalui penubuhan kedua-dua pusat berkenaan, diharap dapat memperkukuh mekanisme penyelesaian konflik serta meningkatkan kefahaman antara komuniti, sekali gus mengelakkan ketegangan yang boleh menjejaskan keharmonian negara,” katanya di media sosial, pada Jumaat.

Dalam pada itu, beliau memak-

lumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan turut menyatakan komitmen berterusan untuk memperkukuh perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama.

Tambahnya, usaha tersebut selari dengan prinsip kesejahteraan serta keharmonian yang sentiasa dijunjung tinggi.

## Kerja kebajikan urusan dengan Allah, bukan sekadar hulur bantuan - Exco Kebajikan



depan mata kita bantu mereka yang susah, hakikatnya ganjaran itu daripada Allah,” katanya menerusi media sosial pada Isnin.

Terdahulu, beliau menyampaikan amanat khas pada Perhimpunan Bulanan April Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Kelantan di Rumah Seri Kenangan Pengkalan Chepa, di sini.

Dalam ucapannya, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Pengarah JKM Negeri Kelantan Che Samsuzuki Che Noh atas komitmen berterusan dalam memperkasa agenda kebajikan demi kesejahteraan rakyat.

Menurutnya, pelaksanaan kerja kebajikan menuntut penglibatan menyeluruh semua pihak dan tidak boleh digalas secara bersendirian.

“Kerja baik ini tidak boleh dibuat seorang-seorang. Semua kena main peranan kerana dalam kehidupan, kita saling memerlukan antara satu sama lain,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru masyarakat agar terus memupuk sikap cakna, prihatin dan ringan tangan dalam membantu golongan yang memerlukan sebagai manifestasi nilai kemanusiaan dan keimanan.

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 7 April** — Kerja kebajikan tidak boleh dilihat sekadar menyalurkan bantuan, sebaliknya merupakan amanah besar yang berkait langsung dengan

hubungan seorang hamba dengan Allah, tegas Exco Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga YB Dato’ Rohani Ibrahim.

Beliau berkata, setiap usaha membantu golongan memerlukan mempunyai nilai ganjaran yang

tinggi di sisi Allah walaupun pada zahirnya dilihat sebagai bantuan sesama manusia.

“Kerja kebajikan ini bukan sekadar bantu manusia, tetapi sebenarnya kita sedang berurusan dengan Allah Taala. Walaupun di

# Sidang Khas Parlimen perlu diadakan segera, tangani kesan ekonomi global – Tan Sri Abdul Hadi



Oleh: Norzana Razaly

**KUALA NERUS, 3 April** – Ahli Parlimen Marang YB Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang mencadangkan agar satu Sidang Khas Parlimen diadakan segera bagi membolehkan semua ahlinya membincangkan langkah komprehensif menangani tekanan ekonomi global yang semakin dirasai rakyat.

Beliau menegaskan, pendekatan inklusif menerusi penglibatan semua wakil rakyat penting kerana kesan ekonomi tidak terhad kepada kerajaan semata-mata, sebaliknya melibatkan seluruh rakyat negara ini.

“Kita mencadangkan supaya

diadakan sidang khas Parlimen. Semua pandangan perlu dibincangkan secara terbuka dan menyeluruh. Perdana Menteri sewajarnya mengambil langkah ini kerana kita berada dalam satu kapal.

“Bukan kerajaan sahaja yang menerima kesan ekonomi, bahkan seluruh rakyat turut merasainya. Oleh itu, isu ini perlu dipikul bersama tanpa mengira perbezaan politik,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan Kuliah Duha Khas sempena Ijtimak Antarabangsa Perpaduan Ummah Kali Ke-5 dan Himpunan Alam Melayu 2026 di Pekarangan Kompleks Sukan Terengganu, Gong Badak, di sini, hari ini.

Program anjuran Kerajaan Negeri Terengganu itu merupakan antara acara utama negeri Terengganu sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

Menurut Tan Sri Abdul Hadi lagi, perbezaan politik wajar diketepikan dalam situasi semasa demi memastikan dasar dan tindakan yang diambil lebih menyeluruh serta berkesan.

“Kerajaan tidak boleh bergerak bersendirian dalam menghadapi cabaran ini. Penglibatan semua pihak akan memperkaya perbincangan dan menghasilkan keputusan yang lebih tuntas,” ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Tan Sri Abdul Hadi turut menyentuh isu krisis tenaga glob-

al yang berpunca daripada konflik geopolitik, sedangkan Malaysia mempunyai sumber sendiri serta potensi kerjasama serantau yang boleh dimanfaatkan.

“Isu tenaga hari ini banyak dipengaruhi konflik peperangan, sedangkan negara kita memiliki sumber minyak. Kita juga boleh memperluas kerjasama dengan negara jiran seperti Indonesia yang merupakan anggota Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC).

“Kekurangan pendekatan kerjasama ini antara faktor yang menyumbang kepada tekanan inflasi sehingga memberi kesan langsung kepada rakyat,” jelasnya.

Mengulas konflik di Asia Barat, beliau turut mengkritik tindakan pihak yang memulakan serangan sehingga mencetuskan ketegangan berpanjangan di rantau berkekaan.

“Saya melihat pihak yang memulakan serangan bertindak secara angkuh dan berterusan. Konflik ini akan berlarutan sehingga satu pihak benar-benar mengaku kalah atau dipaksa menerima hakikat kekalahan,” ujarnya.

## KBC bentang pelan strategik, pacu daya saing sektor pertanian Kelantan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA BHARU, 6 April** – Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (KBC) membentangkan perancangan strategik komprehensif yang diyakini mampu melonjakkan keupayaan sektor pertanian Kelantan ke tahap lebih berdaya saing, sekali gus memperkukuh kedudukan negeri dalam rantaian nilai agromakanan.

Pembentangan tersebut diterima Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dalam satu sesi khas yang berlangsung di pejabat beliau di Mabna, semalam.

Menurutnya, sesi berkenaan membuka ruang perbincangan menyeluruh terhadap hala tuju



pembangunan bioteknologi yang dilihat sebagai pemangkin penting dalam mentransformasikan sektor pertanian negeri.

“Kerajaan Negeri komited untuk memperkasakan pembangunan bioteknologi sebagai antara pemangkin utama transformasi sektor agromakanan. Usaha ini penting

bagi memastikan rantaian nilai pertanian dapat dipertingkatkan secara mampan,” katanya.

Beliau menambah, pendekatan bersepadu yang menggabungkan inovasi teknologi dan pengurusan moden akan terus diberi penekanan bagi memastikan sektor pertanian bukan sahaja berkembang dari

segi kuantiti, malah turut diperkaya dengan nilai tambah yang lebih tinggi.

“Perancangan strategik yang dibentangkan ini diharap dapat memberi impak besar kepada golongan petani dan usahawan agromakanan, khususnya dalam meningkatkan produktiviti serta pendapatan mereka,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan akan terus menyokong segala inisiatif yang mampu memperkukuh ekosistem bioteknologi selaras dengan keperluan semasa serta cabaran masa hadapan.

“Semoga segala perancangan ini dipermudahkan pelaksanaannya dan seterusnya memberi manfaat yang menyeluruh kepada rakyat negeri Kelantan,” katanya.

# Dr Zakir Naik garis peranan India Muslim di Alam Melayu

Oleh: Norzana Razaly


**KUALA NERUS, 3 April** – Dakwah yang berteraskan iman, amal soleh serta kesabaran perlu diperkukuh sebagai asas membina kekuatan ummah, termasuk dalam memperkasa peranan masyarakat India Muslim di Alam Melayu.

Pengasas dan Presiden Islamic Research Foundation (IRF) Dr Zakir Abdul Karim Naik menegaskan bahawa fungsi utama India Muslim dalam sejarah dan masa kini ialah menyeru manusia kepada Islam secara berhikmah dan berterusan.

“Peranan India Muslim dalam dakwah ialah menyeru kepada Islam. Sejarah membuktikan komuniti India Muslim memainkan peranan signifikan dalam menyebarkan Islam ke Alam Melayu melalui jaringan perdagangan, hubungan sosial serta pendekatan dakwah.

“Dalam konteks Malaysia, masyarakat berketurunan India dianggarkan berjumlah antara 1.5 hingga 2 juta orang, iaitu sekitar empat hingga lima peratus daripada keseluruhan populasi negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan pidato bertajuk Peranan India Muslim dalam Dakwah di Alam Melayu sempena



Ijtimak Antarabangsa Perpaduan Ummah Kali Ke-5 dan Himpunan Alam Melayu 2026 di Pekarangan Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Gong Badak, di sini pada Jumaat.

Dalam pidatonya, beliau menghuraikan bahawa kejayaan sebenar umat Islam berpaksikan panduan al-Quran, khususnya inti pati Surah al-Asr yang menggariskan empat kriteria asas.

“Pertama, beriman. Kedua, beramal soleh. Ketiga, menyeru kepada kebenaran. Keempat, menyampaikan kebenaran dengan kesabaran,” jelasnya.

Beliau turut memetik pandangan Imam Syafie yang menekankan kepentingan surah tersebut sebagai asas pembinaan ummah.

“Imam Syafie berkata, Surah al-Asr amat penting kerana jika

hanya surah ini diturunkan kepada manusia, ia sudah mencukupi sebagai panduan menuju hidayah,” katanya.

Mengulas lanjut, Dr Zakir turut mengemukakan pendekatan praktikal bagi memperkukuh keberkesanan dakwah dalam kalangan umat Islam, khususnya ketika berinteraksi dengan masyarakat bukan Islam.

Menurutnya, umat Islam disarankan menghafal sekurang-kurangnya 20 jawapan kepada soalan lazim yang sering dikemukakan oleh golongan bukan Muslim di seluruh dunia.

“Jawapan ini membolehkan umat Islam berdakwah secara lebih efektif, sekali gus menjelaskan salah faham dan tanggapan negatif terhadap Islam,” ujarnya.

Beliau menjelaskan bahawa sebelum tragedi 11 September,

persoalan yang sering dibangkitkan berkisar tentang poligami. Namun selepas insiden tersebut, fokus soalan berubah secara ketara.

“Antara soalan utama ialah mengapa orang Islam dikaitkan dengan jihad, mengapa dianggap ekstremis, mengapa dilabel fundamentalis dan pengganas, serta dakwaan bahawa Islam disebarkan dengan pedang. Isu poligami pula hanya muncul kemudian,” katanya.

Tambahnya, semua jawapan kepada persoalan tersebut telah dihipunkan dalam penulisan beliau yang boleh diakses secara percuma dalam talian sebagai panduan dakwah.

“Inilah strategi untuk membersihkan salah tanggapan masyarakat bukan Islam terhadap agama ini,” jelasnya.

## Kemarau kritikal, rakyat digesa jimat air - Exco Air



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA BHARU, 7 April** — Rakyat Kelantan digesa mengamalkan penjimatan air secara berhemah susulan keadaan kemarau yang kini berada pada tahap kritikal dan berpanjangan.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar

YB Dato' Dr Izani Husin berkata, situasi semasa menunjukkan tanda-tanda ketara penyusutan sumber air termasuk paras sungai, sekali gus memberi tekanan kepada sistem bekalan air negeri.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas majlis penyampaian sumbangan kepada mangsa kebakaran rumah di Kampung Pauh Cabang Tiga, Kedai Buloh, di sini, pada Isnin.

“Musim kemarau kali ini telah diberi amaran oleh pihak berwajib berada pada tahap tinggi dan berpanjangan. Keadaan persekitaran semakin kering serta paras air sungai yang menunjukkan penyusutan ketara,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihati orang ramai agar menggunakan

air secara berhemah memandangkan sumber utama seperti sungai turut terjejas akibat kemarau.

“Sumber air utama mengalami penyusutan, menyebabkan bekalan tidak dapat disalurkan sepenuhnya. Justeru, rakyat disarankan berjimat dalam penggunaan air, khususnya ketika musim panas ini,” jelasnya.

Menurutnya, telaga jejari di bawah pengurusan Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) turut terkesan, sekali gus menambah cabaran dalam memastikan kestabilan bekalan air kepada pengguna.

“Keadaan ini memberi cabaran kerana tempoh kemarau sukar dijangka. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan dalam memastikan penggunaan air lebih terkawal,” katanya.

Dalam usaha memastikan bekalan air terus mencukupi, kerajaan negeri memberi tumpuan kepada pengurangan kadar air tidak berhasil (NRW) dengan mempercepatkan kerja pembaikan paip bocor.

“Kita tidak akan berkompromi dalam perkara ini walaupun melibatkan kos tinggi, kerana keutamaan adalah memastikan bekalan air sampai kepada rakyat,” tegasnya.

Selain itu, langkah mitigasi turut melibatkan penyediaan tangki statik serta pengoperasian lori tangki air di kawasan terjejas bagi memastikan bekalan berterusan.

“Kita memberi keutamaan kepada kawasan yang benar-benar terjejas dengan memastikan penghantaran bekalan air dilaksanakan secara konsisten,” katanya.

# MDM-PKD Kemuning jayakan Program Gotong-Royong Machangku Ceria bersama komuniti



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**MACHANG, 9 April** — Kerjasama strategik antara Majlis Daerah Machang (MDM) dan Pusat Khidmat DUN (PKD) Kemuning dizahirkan menerusi penganjuran Program Gotong-Royong Machangku Ceria bersama komuniti yang berjaya menceriai kawasan pintu masuk Bandar Machang, semalam.

Program yang berlangsung dari pukul 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari itu melibatkan 64 peserta terdiri daripada ahli Majlis Daerah Machang, kakitangan Pusat Khidmat DUN Kemuning serta masyar-

akat setempat.

Aktiviti tertumpu kepada kerja-kerja mengecat pagar dan membersihkan kawasan bermula dari perkarangan Pejabat DUN Kemuning hingga ke Masjid Jajahan Machang serta kawasan hadapan Pusat Giat MARA Machang.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor berkata, penganjuran program tersebut mencerminkan kepaduan kerjasama antara pihak berkuasa tempatan dan institusi perkhidmatan rakyat dalam memperkasa agenda kebersihan serta kesejahteraan komuniti.

“Kerjasama strategik antara

Majlis Daerah Machang dan Pusat Khidmat DUN Kemuning dan penduduk tempatan ini dapat memperkukuh hubungan antara agensi dan berjaya menggerakkan penglibatan aktif masyarakat setempat dalam usaha menjaga kebersihan persekitaran,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau turut menegaskan bahawa budaya gotong-royong perlu terus disemai sebagai amalan berterusan dalam kalangan komuniti.

“Amalan gotong-royong seperti ini wajar dijadikan budaya hidup kerana ia bukan sahaja mencantikkan kawasan, malah mengeratkan

hubungan silaturahim serta memupuk rasa tanggungjawab bersama terhadap persekitaran,” ujarnya.

Tambahnya, usaha berterusan seumpama ini diyakini mampu merealisasikan hasrat menjadikan Machang khususnya dan negeri secara amnya sebagai kawasan yang bersih, indah dan ceria.

“Insya Allah, dengan komitmen berterusan daripada semua pihak, kita mampu mewujudkan suasana yang lebih kondusif dan harmoni demi kesejahteraan rakyat,” katanya.

Turut hadir, Yang Dipertua Majlis Daerah Machang Mohd Zamri Ibrahim.



## Exco Alam Sekitar tinjau kebakaran Tapak Pelupusan Bukit Che Ros, pastikan kawalan lindungi kualiti udara

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 7 April** — Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah meninjau lokasi kebakaran di Tapak Pelupusan Sampah Bukit Che Ros, Tanah Merah bagi melihat sendiri operasi pemadaman serta langkah kawalan yang dilaksanakan bagi memastikan insiden itu tidak menjejaskan kualiti udara dan kesihatan penduduk sekitar.

Lawatan yang diadakan susulan kejadian pada Ahad itu memberi tumpuan kepada penilaian menyeluruh terhadap situasi semasa, termasuk keberkesanan tindakan pengawalan asap dan sisa pembakaran.

Menurutnya, operasi pemadaman kini giat dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malay-



sia dengan kerjasama Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM), Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) serta pihak berkuasa tempatan berhampiran.

“Kerjasama pelbagai agensi amat penting bagi memastikan kebakaran ini dapat dikawal dengan segera, selain mengurangkan kesan asap dan sisa pembakaran kepada penduduk sekitar,” katanya menerusi media sosial pada Isnin.

Turut hadir ke lokasi ialah Setiausaha MDTM Mohd Khairil Hazmie Yusof, Ketua Whip Ahli Majlis MDTM Mohd Nazir Yusoff, wakil Kelantan Utiliti Mubarak (KUM) serta beberapa agensi teknikal berkaitan.

Dalam pada itu, beliau merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam operasi pemadaman.

“Terima kasih kepada semua yang bertungkus-lumus. Diharapkan api dapat dipadamkan sepenuhnya dalam masa terdekat,” katanya.

Insiden kebakaran tersebut kini berada dalam pemantauan berterusan pihak berkuasa bagi memastikan keadaan terkawal serta tidak menjejaskan kesejahteraan penduduk setempat.



# Khidmat Malaysia perkemas strategi, tingkat kesiapsiagaan hadapi bencana

Oleh: Syamimi Manah

**KUALA TERENGGANU, 7 April** – Khidmat Malaysia terus memperkemas strategi dan meningkatkan tahap kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana melalui pengajuran Pemukiman Khidmat Malaysia yang berlangsung selama dua hari di AM Transit Inn, di sini, pada 4 hingga 5 April lalu.

Program tersebut menghimpunkan pemimpin dan penggerak sukarelawan dari seluruh negara bagi memperkukuh hala tuju gerak kerja kebajikan dan pengurusan bencana agar lebih tersusun, bersepadu dan berkesan.

Pengerusi Khidmat Malaysia yang juga Ahli Parlimen Pengkalan Chepa YB Datuk Dr Ahmad Marzuk Shaary, menegaskan bahawa organisasi itu memikul peranan besar dalam mendepani cabaran bencana yang semakin tidak mementu.

“Program ini menghimpunkan akal fikir dan tekad jiwa dari seluruh negeri untuk memerah buah fikiran, menenun hala tuju serta menyusun taqvim yang lebih terarah,” katanya dalam kenyataan di laman rasmi, pada Sabtu.



Menurutnya, pertemuan tersebut menjadi ruang penting untuk memperhalusi strategi serta memperkukuh kesiapsiagaan jentera di semua peringkat.

“Pertemuan ini menjadi ruang yang sarat dengan pertimbangan; strategi diperhalusi dan kesiapsiagaan diperkukuh dalam menghadapi gelombang musibah yang kian tidak terduga,” katanya.

Program tersebut telah dirasmikan oleh Exco Kerajaan Negeri Terengganu YB Dato’ Hanafiah Mat dan turut dihadiri Pengerusi Khidmat Malaysia Kelantan yang

juga Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato’ Rohani Ibrahim.

Pemukiman berkenaan turut membentangkan visi, misi dan moto sebagai panduan jelas kepada seluruh jentera dalam melaksanakan amanah dengan lebih fokus, tersusun dan berimpak tinggi.

Datuk Dr Ahmad Marzuk turut menegaskan bahawa gerak kerja kebajikan perlu digerakkan secara kolektif dengan menggabungkan kepakaran serta kekuatan sedia ada.

“Gerak khidmat ini terus disu-

“Mudah-mudahan setiap yang direncana menjadi asbab hadirnya bantuan yang lebih awal, lebih tersusun dan lebih bermakna tatkala rakyat benar-benar memerlukan,”

sun, tenaga dihimpun, kepakaran dipadukan dan empati dirangkai dalam satu jaringan yang hadir pada waktunya,” ujarnya.

Beliau berharap segala perancangan yang dirangka dalam pemukiman tersebut dapat diterjemahkan kepada tindakan yang lebih pantas dan berkesan di lapangan.

“Mudah-mudahan setiap yang direncana menjadi asbab hadirnya bantuan yang lebih awal, lebih tersusun dan lebih bermakna tatkala rakyat benar-benar memerlukan,” jelasnya.



# Kesihatan rakyat diutamakan, Kelantan pergiat kempen tangani isu obesiti

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 7 April** — Kerajaan Negeri Kelantan terus mempergiat kempen meningkatkan kesedaran kesihatan dalam kalangan rakyat bagi menangani isu obesiti yang semakin membimbangkan, bersempena sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2026, hari ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, cabaran kesihatan awam di negara ini kian meruncing apabila 54.4 peratus rakyat dewasa di Malaysia mengalami masalah berat badan berlebihan (obesiti), manakala sebanyak 2.85 juta kanak-kanak dan remaja turut berdepan isu sama.

Menurutnya, angka tersebut bukan sekadar statistik, sebaliknya mencerminkan keperluan mendasak untuk memperbaiki gaya hidup dan amalan pemakanan dalam masyarakat.

“Kerajaan negeri komited men-



ingkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penjagaan kesihatan melalui pelbagai inisiatif berterusan.

“Antara fokus utama termasuk menggalakkan pemakanan sihat, meningkatkan penglibatan dalam aktiviti fizikal secara konsisten

serta memperluas saringan awal penyakit tidak berjangkit,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Beliau berkata, kesihatan yang baik bukan sahaja penting untuk kesejahteraan hidup, bahkan menjadi asas kekuatan umat Islam da-

lam melaksanakan ibadat dengan lebih sempurna.

“Tubuh badan yang sihat membolehkan kita menunaikan solat dengan lebih khusyuk, berpuasa dengan lebih baik serta melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah dengan penuh tenaga dan istiqamah,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa usaha menjaga kesihatan memerlukan komitmen bersama, bukan hanya bergantung kepada kerajaan semata-mata.

“Setiap langkah kecil seperti mengurangkan pengambilan gula, meningkatkan aktiviti fizikal dan menjaga keseimbangan emosi merupakan pelaburan besar untuk masa depan,” ujarnya.

Sehubungan itu, beliau mengajak seluruh rakyat untuk bersama-sama membudayakan gaya hidup sihat dalam usaha membina masyarakat yang lebih cergas dan sejahtera.

“Kesihatan adalah kekayaan sebenar,” tegasnya.

## Cadangan penambahbaikan sistem perakaunan PBT diperhalusi – Exco Kerajaan Tempatan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA DARULNAIM, 8 April** — Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah mengambil langkah proaktif dengan memperhalusi cadangan penambahbaikan sistem perakaunan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan tadbir urus kewangan lebih telus, berintegriti dan berdaya saing.

Menurutnya, dalam landskap pentadbiran masa kini, sistem perakaunan yang cekap dan tersusun

merupakan keperluan penting bagi memastikan setiap PBT beroperasi secara mampan dan efisien.

“Pengurusan kewangan yang sistematik dan berasaskan teknologi mampu memastikan rekod kewangan lebih teratur, dikemas kini secara berkala serta meningkatkan tahap ketelusan dalam pentadbiran,” jelasnya menerusi laman sosial, hari ini.

YB Hilmi menjelaskan demikian selepas meneliti cadangan berkaitan yang dibentangkan oleh EXP Solution Sdn Bhd dalam satu

pertemuan khas di pejabatnya, semalam.

Menurutnya, fokus utama usul tersebut adalah terhadap penggunaan teknologi perakaunan moden bagi meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan PBT.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan penggunaan sistem perakaunan digital dan perisian pengurusan kewangan moden berpotensi meningkatkan kecekapan melalui rekod transaksi yang lebih tepat, pantas dan selamat.

“Ia bukan sahaja membantu da-

lam pemantauan aliran tunai dan penyediaan laporan kewangan, malah menyokong urusan pembayaran serta mengurangkan risiko kesilapan manusia,” ujarnya.

Sehubungan itu, beliau memaklumkan pihaknya akan meneliti cadangan berkenaan secara menyeluruh bersama pihak berkuasa tempatan, Bahagian Kerajaan Tempatan, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Kelantan serta Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi memastikan pelaksanaannya selaras dengan keperluan semasa.

Tambahnya, pendekatan bersepadu itu penting bagi memastikan setiap penambahbaikan sistem dapat dilaksanakan secara holistik dan memberi impak maksimum kepada pengurusan kewangan PBT.

“Langkah ini selari dengan hasrat untuk memperkasa PBT agar lebih cekap, telus dan berintegriti melalui sistem pengurusan kewangan yang mantap,” katanya.



# Pidato, busana, silat cetus fenomena Himpunan Alam Melayu 2026

Oleh: Norzana Razaly

**KUALA NERUS, 4 April** – Gabungan pidato berwibawa, busana tradisional yang sarat identiti serta seni mempertahankan diri berteraskan warisan mencetus fenomena Himpunan Alam Melayu 2026 sekali gus memantapkan kebangkitan semula jati diri Alam Melayu dalam arus semasa.

Penganjuran program oleh Kerajaan Negeri Terengganu itu memperlihatkan estetika warisan Melayu yang kembali segar dan mengangkat semula kegemilangan tamadun silam dalam kerangka kontemporari.

Ahli Parlimen Kubang Kerian YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, kekuatan rumpun Melayu bertunjangkan pegangan teguh kepada Islam sebagai asas akidah dan kesatuan ummah dengan penyertaan wakil dari Malaysia, Aceh (Indonesia), Pattani (Thailand), Vietnam (Champa), Singapura dan Brunei dalam himpunan tersebut mengukuhkan ukhuwah serta semangat saling membantu dalam kalangan masyarakat serumpun.

“Insya-Allah, ini sebahagian daripada usaha kita untuk menyatukan umat, khususnya Melayu Islam, dalam mengembalikan kegemilangan yang pernah dicapai.



Mudah-mudahan segala usaha ini diberkati oleh Allah SWT,” katananya menerusi media sosial, pada Jumaat.

Majlis penutup Himpunan Alam Melayu 2026 disempurnakan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu YB Dato' Mohd Nor Hamzah, semalam.

Beliau menyifatkan penganjuran tersebut sebagai platform penting dalam mendekatkan masyarakat kepada akar sejarah dan warisan tamadun Islam.

Katanya, kedatangan Islam tidak memadamkan warisan sedia ada, sebaliknya menyusunnya dengan nilai dan adab yang lebih tinggi sehingga membentuk jati diri Melayu-Islam yang sederhana, seimbang dan berakar umbi.

“Tanggungjawab kita hari ini

adalah memastikan jati diri ini terus hidup, bukan sekadar sebagai nostalgia, tetapi sebagai asas membimbing generasi akan datang menghadapi dunia yang semakin kompleks,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau turut menzahirkan rasa terharu apabila program tersebut mencipta fenomena tersendiri dengan kehadiran kira-kira 5,000 pengunjung yang membanjiri pekarangan Kompleks Sukan Negeri Terengganu.

Suasana luar biasa jelas terpancar apabila pengunjung tampil lengkap berbusana Melayu tradisional, daripada kanak-kanak hingga dewasa, dengan tanjak digayakan megah, samping dililit kemas serta baju Melayu pelbagai potongan dan warna menghiasi ruang acara.

Antara pengisian utama ialah

sesi pidato yang disampaikan sepenuhnya dalam bahasa Melayu, menampilkan tokoh dari pelbagai negara yang berjaya menyuntik semangat kebanggaan dan kesatuan dalam kalangan hadirin.

Barisan pemidato termasuk Nik Mansour Nik Abdul Halim dari Vietnam, Muhammad Aladee Zakariya dari Pattani serta Prof Dr Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad dari Universiti Putra Malaysia.

Turut menyampaikan pidato ialah Profesor Dr Ahmad Omar Japaka dari Pattani, Dato Kiam Radja Tuan Guru, Profesor Dr Fekry Juliansyah dari Aceh dan Profesor Dr Syed Khairuddin Al Junaid dari Singapura.

Selain itu, persembahan Seni Silat Alam Melayu turut memukau hadirin menerusi aksi tokoh silat terkenal seperti Wan Hizhan Wan Jusoh atau Ayah Mad Dungun dan bekas juara silat negara Ruzaidi Abdul Rahman yang mempamerkan kehalusan gerak seni warisan bangsa.

Program tersebut turut dihadiri Pengarah Ijtimak Antarabangsa Perpaduan Ummah ke-5 dan Himpunan Alam Melayu 2026 YB Dr Muhammad Khalil Abdul Hadi dan Pengerusi Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan Negeri Terengganu Hishamuddin Abdul Karim.



## Musim kemarau tingkat risiko kebakaran, rakyat diseru lebih waspada - Dato' Siti Zailah



Oleh: Syamimi Manah

**RANTAU PANJANG, 5 April** – Orang ramai diseru agar meningkatkan tahap kewaspadaan susulan musim kemarau yang boleh meningkatkan risiko berlakunya kebakaran.

Ahli Parlimen Rantau Panjang YB Dato' Siti Zailah Mohd Yusoff berkata, keadaan cuaca panas

dan kering ketika ini menjadikan kebakaran lebih mudah berlaku sekiranya langkah pencegahan tidak diambil dengan serius.

Beliau berkata demikian setelah menziarahi mangsa kebakaran di Kampung Tok Deh, di sini, pada 2 April lalu yang melibatkan dua keluarga.

“Saya berpesan supaya semua

berhati-hati terutama ketika musim kemarau ini kerana kebakaran mudah berlaku. Semoga mangsa bersabar dan Allah gantikan dengan yang lebih baik, insya-Allah,” katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Tambahnya, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menghulurkan bantuan kepada mangsa, manakala Ahli Dewan

Negeri (ADN) turut membantu menguruskan sumbangan bagi meringankan beban keluarga terlibat.

Dato' Siti Zailah turut mengingatkan orang ramai agar mengelakkan aktiviti pembakaran terbuka serta perkara yang boleh mencetuskan kebakaran, khususnya dalam keadaan cuaca panas dan kering ketika ini.



## Pelajar Kelantan di Timur Tengah selamat, kerajaan negeri pantau rapi situasi



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 9 April** — Semua pelajar Kelantan yang sedang menuntut di Timur Tengah dilaporkan berada dalam keadaan selamat susulan perkembangan konflik melibatkan Iran, Amerika Syarikat dan Israel, dengan kerajaan negeri terus memantau situasi secara rapi.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, pihaknya telah berhubung dengan kedutaan Malaysia di negara terlibat dan dimaklumkan bahawa tahap keselamatan pelajar adalah terkawal.

“Mereka juga dinasihatkan supaya sentiasa mengikuti dan mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh pihak kedutaan dari semasa ke semasa,” katanya pada sidang media selepas mesyuarat Exco di Mabna, di sini, pada Rabu.

Menurut Dato' Wan Roslan, dianggarkan kira-kira 200 pelajar Kelantan berada di Jordan manakala lebih 800 pelajar di Mesir. Jordan dikenal pasti sebagai lokasi paling hampir dengan kawasan konflik kerana berjiran dengan Israel.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini belum ada keperluan untuk membawa pulang pelajar berk-

naan memandangkan keadaan masih terkawal.

“Kita berharap situasi akan kembali aman dan konflik ini dapat ditamatkan segera supaya pelajar dapat meneruskan pengajian dengan baik,” jelasnya.

Beliau turut menasihati ibu bapa supaya kekal tenang dan mengikuti perkembangan semasa melalui saluran rasmi, termasuk Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang sentiasa berhubung dengan pihak kedutaan serta pegawai bertugas di Mesir.

Dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan Kelantan menerima tawaran menghantar pelajar

di bawah kelolaan YIK ke Korea Selatan dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melibatkan kuota sebanyak 15 orang.

Menurutnya, pelajar terpilih akan ditaja oleh Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN).

Selain itu, kerajaan negeri juga sedang memperluaskan peluang pendidikan teknikal ke Jerman, namun permohonan masih dalam proses.

“Kita akan terus membuka lebih banyak peluang kepada pelajar dalam bidang teknikal dan kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka,” katanya.



# Rakyat prihatin lapor kebakaran, selamatkan nyawa dan alam sekitar



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 6 April** – Sikap prihatin rakyat dalam melaporkan kejadian kebakaran serta mengelakkan pembakaran terbuka mampu menyelamatkan nyawa, harta benda dan alam sekitar, khususnya ketika negeri berdepan

cuaca panas dan kemarau ketika ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, peningkatan suhu dan keadaan kering ketika ini mempertingkatkan risiko kebakaran hutan, semak serta kawasan terbuka, sekali gus menuntut kepekaan masyarakat untuk bertindak segera.

Menurutnya, kebakaran dalam cuaca kering boleh merebak dengan pantas dan berpotensi mengancam keselamatan pengguna jalan raya, penduduk setempat serta memusnahkan ekosistem semula jadi.

“Orang ramai perlu segera menghubungi Balai Bomba terdekat atau talian kecemasan 999 sekiranya ternampak kebakaran.

Maklumat lokasi yang tepat

amat penting bagi memastikan tindakan pantas dapat diambil,” katanya di media sosial, hari ini.

Beliau turut mengingatkan orang ramai agar tidak berada terlalu lama berhampiran kawasan kebakaran kerana asap tebal boleh menjejaskan kesihatan.

Selain itu, katanya, orang ramai dinasihatkan supaya tidak mengambil gambar dari jarak dekat sehingga mengganggu laluan atau operasi pasukan penyelamat.

“Jangan cuba memadam kebakaran tanpa peralatan yang sesuai. Keselamatan diri dan keluarga perlu diutamakan,” katanya lagi.

Dalam pada itu, beliau menyarankan beberapa langkah pencegahan bagi mengurangkan risiko kebakaran sepanjang musim kemarau, termasuk tidak melakukan

pembakaran terbuka seperti membakar sampah atau semak.

Orang ramai juga diingatkan agar tidak membuang puntung rokok merata-rata serta memastikan kawasan rumah dan kebun sentiasa bersih daripada bahan mudah terbakar.

Selain itu, masyarakat digalakkan menjimatkan penggunaan air memandangkan musim kemarau boleh menjejaskan bekalan, di samping sentiasa peka terhadap arahan pihak berkuasa dan amaran cuaca panas.

Beliau menegaskan bahawa kepekaan dan tindakan awal masyarakat merupakan benteng utama dalam mencegah kebakaran daripada menjadi lebih serius.

“Cegah sebelum parah, lapor sebelum merebak,” katanya.

## Darul Niswah Kemuning digalak kekal momentum, perluas impak ekonomi wanita – Dato’ Rohani

Oleh: Irham Hilmi Hashim

**MACHANG, 6 April** – Darul Niswah (dulunya Pusat Pembangunan Wanita Kelantan atau PPWK) DUN Kemuning digesa mengekalkan prestasi semasa serta terus memperkukuh pelaksanaan program bagi memperluaskan manfaat kepada lebih ramai wanita, khususnya dalam aspek penjana pendapatan.

Exco Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato’ Rohani Ibrahim berkata, usaha berterusan itu penting bagi memastikan inisiatif pemberdayaan wanita di peringkat komuniti terus relevan dan berimpak tinggi.

Menurutnya, kejayaan Darul Niswah Kemuning yang kini beroperasi di bangunan sendiri merupakan satu pencapaian signifikan hasil komitmen tinggi serta sokongan padu kepimpinan di peringkat Dewan Negeri (DUN).

“Alhamdulillah, saya secara peribadi sangat bersyukur dan berbangga dengan semangat serta komitmen yang ditunjukkan oleh DUN Kemuning dalam memastikan projek Darul Niswah ini terus bergerak dan memberi manfaat,” katanya ketika berucap pada majlis



perasmian Darul Niswah Kemuning, semalam.

Tambahnya, perkembangan tersebut mencerminkan kesungguhan semua pihak dalam memperkasa agenda pembangunan wanita secara tersusun di peringkat akar umbi.

“Saya harap, Darul Niswah Kemuning akan teruskan prestasi yang ada, sentiasa tambah baik, dan berjaya membantu seramai mungkin wanita di Kemuning khususnya

dalam menjana pendapatan melalui program-program yang disediakan,” ujarnya.

Dalam pada itu, Dato’ Rohani turut membuka ruang penyertaan kepada golongan lelaki, khususnya pelajar, untuk memanfaatkan program kemahiran yang ditawarkan di Darul Niswah sebagai nilai tambah dalam menjana sumber pendapatan.

“Jika ada pelajar lelaki yang berminat, mereka juga dialu-alukan

untuk bersama-sama menjana pendapatan melalui program yang tersedia di Darul Niswah ini,” ujarnya.

Terdahulu, beliau menzahirkan penghargaan terhadap perkembangan memberangsangkan Darul Niswah kawasan Machang yang terus unggul sebagai platform pembangunan wanita komuniti.

Turut hadir, Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor.

# Hasil padi Kelantan masih stabil walau berdepan kemarau – Exco Pertanian

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA BHARU**, 6 April – Pengeluaran padi di Kelantan kekal stabil walaupun berdepan keadaan cuaca kering dan fenomena El Nino, hasil daripada persediaan awal serta langkah mitigasi yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, setakat ini pengeluaran padi negeri telah melepasi tahap Sara Diri (SSL), dengan anggaran hasil keseluruhan tidak menunjukkan penurunan ketara.

“Dari segi padi, kita telah melepasi SSL dan hasil tahun ini dijangka tidak berkurang banyak kerana hampir 90 peratus kawasan penanaman di Kelantan telah dituai atau berada di peringkat akhir penuaian sebelum kemarau memuncak,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Bengkel Koperasi Pertanian Al Falah di Baruh Padi Alami, Kampung Lubuk Jambu, semalam.

Menurutnya, walaupun terdapat beberapa kawasan yang terjejas, kesannya tidak terlalu serius kera-



na langkah persediaan awal telah diambil oleh petani dan agensi berkaitan.

“Ada padi yang berbuah tetapi hasilnya tidak begitu baik, kurang lebat dan buah tidak banyak disebabkan kekeringan, namun secara keseluruhan keadaan masih terkawal,” ujarnya.

Beliau berkata, kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Induk Pertanian Negeri sedang mengumpulkan maklumat berkaitan kesan cuaca kering, termasuk impak terhadap petani dan pengeluaran hasil.

Tambahnya, kerjasama dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) diperkukuh bagi memastikan maklumat perubahan cuaca dapat disalurkan kepada

petani untuk membantu mereka merancang jadual penanaman dengan lebih berkesan.

“Supaya proses pembenihan dan penanaman tidak berlaku ketika cuaca terlalu kering,” jelasnya.

Dalam masa sama, Dato' Tuan Mohd Saripudin turut memaklumkan bahawa pelbagai langkah intervensi telah dilaksanakan termasuk pengagihan lebih 20 pam bergerak kepada petani melalui Pusat Khidmat DUN (PKD) bagi mengatasi masalah kekurangan air pertanian.

Selain itu, kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) turut membolehkan air dari Sungai Kelantan disedut dan dialihkan ke kawasan

sawah bagi menyelamatkan sebahagian besar tanaman padi.

Beliau turut menjelaskan bahawa kenaikan harga diesel memberi kesan kepada kos operasi pertanian, khususnya kepada pesawah yang bergantung kepada penggunaan jentera, selain peningkatan harga baja dan racun.

“Namun begitu, dengan kerjasama semua pihak termasuk Jabatan Pertanian yang bertindak di kawasan terjejas, kita masih mampu mengawal keadaan,” katanya.

Dalam pada itu, kerajaan negeri melalui inisiatif bantuan Sejahtera Tani terus komited membantu petani yang terjejas akibat faktor cuaca dan peningkatan kos semasa.

## Peserta Tuisyen Rakyat Sejahtera DUN Wakaf Bharu raih 9A SPM

Oleh: Syamimi Manah

**TUMPAT**, 9 April — Program Tuisyen Rakyat Sejahtera (TRS) anjuran Dewan Negeri (DUN) Wakaf Bharu membuktikan keberkesanannya apabila seorang pesertanya berjaya memperoleh keputusan cemerlang 9A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diumumkan pada 31 Mac lalu.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah berkata, pencapaian tersebut mencerminkan impak positif inisiatif pendidikan berasaskan komuniti dalam melahirkan pelajar berprestasi tinggi.

“Alhamdulillah, pada 2 April saya turun dari rumah ke rumah bagi meraikan anak-anak pelajar Wakaf Bharu yang mencapai keputusan cemerlang dalam SPM, termasuk yang memperoleh 9A,” katanya menerusi kenyataan di laman rasmi pada Jumaat.

Pelajar berkenaan, Nor Aimi Alifah Mohd Zulkaflee, 17, dari



Sekolah Menengah Ugama (Arab) Tarbiah Islamiah Chabang Empat Tumpat yang juga anak Kampung Talak merupakan antara 60 peserta Program TRS DUN Wakaf Bharu yang berjaya meraih keputusan 9A.

Dalam pada itu, lapan lagi pelajar dari kawasan sama turut mencatat keputusan 9A, sekali gus mengharumkan nama Wakaf Bharu.

Mereka ialah Nur Ain Damia Norashid, Nur Tasnim Muhamad Ridzuan dan Muhammad Irfan Mansor dari Kampung Padang Rokma; Wan Ahmad Muizzuddin Wan Abdul Nazir (Jalan Belakang Stesen, Wakaf Bharu); Nur Umairah Mohd Ranzi



(Kampung Kubang Batang); Nur Aimuni Osman (Kampung Chabang Empat); Afifi Nasuha Mohd Zulisan (Kampung Chenderong Batu) serta Nur Hani Damia Mat Zaki (Kampung Bunut Sarang Burung).

Sementara itu, YB Mohd Rusli turut meneruskan usaha menyantuni pelajar cemerlang menerusi Ziarah Pelajar Cemerlang Fasa 2 melibatkan lima lagi pelajar yang diadakan pada 6 April lalu

Antara yang diraikan ialah Dylan Wong Yu Yang dari Kampung Kulim (SMK Chung Hwa) yang memperoleh 11A+, Loo Yunn Xuen dari kampung sama dengan 10A serta Durratun Husna Mohd Sukri dari

Kampung Kubang Batang (SMK Falahiah) yang meraih 10A.

Turut diraikan ialah Mohamad Zahir Elmam Mohd Zainudin dan Umar Darryl Abdul Aziz Mohd Amin Yap, masing-masing dari Kampung Chenderong Batu dan Kampung Kebakat yang menuntut di Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra dan memperoleh keputusan 9A.

Menurutnya, pihak DUN Wakaf Bharu akan terus komited memperluas inisiatif pendidikan termasuk program tuisyen bagi membantu lebih ramai pelajar mencapai keceMERLANGAN akademik.

Tambahnya, satu majlis khas akan diadakan dalam masa terdekat bagi meraikan pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang 7A ke atas sebagai tanda penghargaan.

“Para pelajar boleh mengisi Borang Sumbangan Pelajar Cemerlang DUN Wakaf Bharu yang boleh didapati di Pejabat Wisma Purnama, Kampung Belukar,” ujarnya.

# Kelantan perkasa agroteknologi, MARDI lonjak keupayaan petani dan usahawan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 6 April – Kerajaan Negeri Kelantan terus mempergiat transformasi sektor pertanian berasaskan teknologi dengan sokongan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dalam memperkasa kemahiran serta keupayaan petani dan usahawan tempatan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, penggunaan teknologi moden menjadi teras dalam usaha mentransformasikan sektor pertanian ke arah lebih maju, berdaya saing dan berimpak tinggi.

“Pendekatan ini bertujuan memastikan pertanian tidak lagi dipandang sebagai sektor tradisional semata-mata tetapi sebagai sektor masa depan yang berasaskan teknologi, inovasi dan keusahawanan,” katanya ketika merasmikan Seminar Teknologi Gunaan Awam MARDI Peringkat Negeri Kelantan di Dewan Kacip Fatimah, RTC Tunjong, hari ini.

Menurutnya, sektor pertanian turut memainkan peranan penting sebagai asas kepada ketahanan sara diri di semua peringkat.

“Pertanian bukan sekadar sumber ekonomi negeri, tetapi juga asas kepada ketahanan sara diri keluarga, masyarakat, negeri dan negara,” ujarnya.



Seminar tersebut menghimpunkan kira-kira 55 peserta terdiri daripada petani dan usahawan MARDI negeri Kelantan yang komited meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam bidang agroteknologi.

Beliau turut memaklumkan bahawa sepanjang Rancangan Malaysia Ke-12 (2021–2025), seramai 207 usahawan telah dilatih oleh MARDI dengan menerima pelbagai bentuk sokongan termasuk khidmat nasihat, geran, peralatan dan bahan tanaman.

“Saya amat berbesar hati melihat penglibatan aktif MARDI membimbing para Usahawan Bimbingan, Agropreneur Muda, peserta Rezeki Tani serta para perintis yang sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran masing-masing,” katanya.

Tambahnya, penyaluran ban-

tuhan yang bersasar turut memberi impak ketara terhadap peningkatan pendapatan peserta.

“Penyerahan geran peralatan kepada usahawan e-kasih telah berjaya meningkatkan pendapatan sehingga peserta-peserta ini yang telah pun keluar daripada senarai e-kasih. Ini merupakan pencapaian yang besar kepada rakyat Kelantan,” katanya.

Dalam masa sama, usaha mengoptimalkan penggunaan tanah terbiar terus diperkasakan melalui pelaksanaan projek tanaman menggunakan varieti keluaran MARDI.

“Saya difahamkan lebih 40 hektar tanah telah bertanam dengan pelbagai tanaman varieti MARDI seperti Kelapa Marleca dan MyLag, Durian MDUR88, Nanas MS16, Kopi MKL 7, 8 dan 9 serta Keledek Vitato dan Lembayung,”

“Pendekatan ini bertujuan memastikan pertanian tidak lagi dipandang sebagai sektor tradisional semata-mata tetapi sebagai sektor masa depan yang berasaskan teknologi, inovasi dan keusahawanan,”

jelasnya.

Menurutnya, kolaborasi strategik antara kerajaan negeri dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan termasuk MARDI akan terus diperkukuh bagi membina ekosistem pertanian yang mampan dan berdaya tahan.

Beliau turut berkongsi pengalaman melawat Test Bed MARDI Pasir Puteh yang mempamerkan teknologi pemprosesan makanan serta memberi manfaat kepada peserta kursus.

“Saya yakin usaha ini akan diteruskan bagi memberi lebih manfaat kepada rakyat dan komuniti setempat. Malah menjadikan seminar ini sebagai platform terbaik untuk para peserta menimba ilmu, berkongsi pengalaman serta membina rangkaian kerjasama yang kukuh,” katanya.



# Koperasi pertanian platform perkasa industri agro, atasi kos meningkat - Exco Pertanian

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 5 April – Penubuhan dan pemerkasaan koperasi pertanian dilihat sebagai antara pendekatan strategik bagi memperkukuh industri agro tempatan dalam berdepan peningkatan kos input serta cabaran semasa sektor pertanian.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, penganjuran Bengkel Koperasi Pertanian Al-Falah merupakan kesinambungan kepada Seminar Keusahawanan dan Koperasi yang telah diadakan sebelum ini di Jeram Mengaji Agro Resort, yang membincangkan aspek koperasi secara menyeluruh.

“Program hari ini memberi fokus khusus kepada koperasi pertanian, selari dengan resolusi seminar yang menekankan pembangunan sektor agropertanian dan agromakanan,” katanya ketika merasmikan bengkel tersebut di Baruh Padi Alami, Kampung Lubuk Jambu, di sini, hari ini.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua peserta yang hadir serta menyifatkan penglibatan aktif mereka sebagai petanda kesungguhan untuk memajukan sektor pertanian melalui platform koperasi.

Menurutnya, Pusat Khidmat DUN (PKD) boleh memainkan



peranan bersama kerajaan negeri dalam memperkasakan industri pertanian, memandangkan terdapat pelbagai peruntukan daripada agensi negeri dan Persekutuan yang boleh dimanfaatkan dalam skop berkenaan.

“Projek-projek yang dibangunkan perlu bersifat bersasar, bukan sahaja memberi manfaat kepada individu, tetapi juga mampu membantu koperasi menjana pendapatan secara mampan,” jelasnya.

Tambahnya, fokus kepada koperasi pertanian termasuk subsektor penternakan dan industri hiliran membuka ruang luas kepada pembangunan projek baharu, lebih-lebih lagi dengan sokongan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang menyediakan pelbagai kemudahan serta bantuan.

Dalam masa sama, Dato' Tuan Saripudin mengakui sektor pertanian kini berdepan peningkatan kos input, tenaga kerja dan pengang-

kutan yang memberi kesan kepada industri, termasuk sektor padi yang menjadi perhatian di seluruh negara.

“Cabaran ini menuntut kita untuk bersatu melalui koperasi, menghimpunkan tenaga dan memperkukuh modal bagi memastikan kelangsungan projek pertanian,” ujarnya.

Namun begitu, beliau mengingatkan bahawa kekurangan ilmu pengurusan koperasi boleh menjadi punca kegagalan sesuatu inisiatif, justeru peserta digalakkan untuk terus menimba pengetahuan, menghadiri kursus serta mematuhi prosedur dan sistem perniagaan yang betul.

Beliau turut menekankan kepentingan kerjasama dengan agensi kerajaan negeri seperti Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri

Kelantan dalam membantu aspek pemasaran, selain kolaborasi bersama agensi pertanian lain termasuk Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

“Semua pihak ini boleh digembleng secara bersama bagi membangunkan projek pertanian masing-masing secara lebih tersusun dan berimpak tinggi,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Exco Pertanian turut menyempurnakan gimik perasmian Tradisi Menuai Baruh Padi Alami Musim Ke-6 Warisan Desa Gemalai sebagai simbolik kepada usaha memartabatkan warisan serta memperkasakan sektor pertanian berasaskan komuniti.

Turut hadir, Ahli Dewan Negeri (ADN) Salor YB Saizol Ismail, ADN Bunut Payong YB Shaari Mat Yaman serta ADN Tawang YB Harun Ismail.

## ADN Kijang salur bantuan peribadi RM1,000 kepada mangsa kebakaran



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 5 April – Ahli Dewan Negeri (ADN) Kijang YB Dato' Dr Izani Husin menyalurkan bantuan peribadi sebanyak RM1,000 kepada setiap keluarga mangsa kebakaran di Cabang tiga Kedai Buloh sebagai bantuan awal bagi meringankan beban mereka.

Beliau berkata, pertemuan bersama

ma mangsa diadakan selepas tidak berkesempatan bertemu semua mangsa ketika turun meninjau lokasi kejadian pada Jumaat.

“Ketika saya turun meninjau lokasi kebakaran, saya tidak berkesempatan bertemu dengan semua mangsa kerana keadaan yang masih huru-hara dan penuh kekalutan.

“Pagi tadi, saya undang kelap-

an-lapan pemilik rumah yang terjejas dalam suasana yang lebih tenang untuk bertanya khabar, mendengar luahan hati mereka serta membantu mengemas kini dokumen yang diperlukan,” katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Exco kerajaan negeri itu turut menasihati mangsa agar terus tabah dan bersabar menghadapi ujian yang

menimpa.

“Benar, kata sabar tidak mampu menggantikan apa yang telah hilang. Namun saya tetap berpesan agar mereka terus kuat dan bersabar kerana setiap ujian pasti terselit hikmah dan Allah menjanjikan ganjaran yang lebih baik buat hamba-Nya yang sabar ketika diuji,” ujarnya.

Beliau juga menegaskan bahawa usaha membantu mangsa yang terkesan merupakan tanggungjawab bersama semua pihak.

“Semoga mereka terus diberi kekuatan dan menjadi tanggungjawab kita bersama untuk terus menyumbang serta membantu mereka bangkit kembali membina kehidupan yang baharu,” ujarnya.

# Wanita Melayu penghubung perpaduan ummah berteraskan warisan, hikmah

Oleh: Norzana Razaly

**KUALA NERUS, 2 April** – Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Hajah Mumtaz Md Nawi menegaskan bahawa kekuatan wanita Melayu berakar daripada warisan adat dan tradisi Islam yang membentuk identiti, kepimpinan serta peranan strategik dalam memperkukuh perpaduan ummah.

Beliau berkata, dalam konteks Malaysia yang kaya dengan adat Melayu Islam, nilai budaya menjadi asas pembinaan jati diri wanita yang berperanan sebagai pemacu masyarakat.

“Warisan ini membentuk kekuatan wanita hingga lahir pepatah ‘biar mati anak, jangan mati adat’ yang menggambarkan betapa tinggi nilai adat dalam kehidupan masyarakat Melayu.

“Rumpun Melayu kaya dengan adat istiadat, sama ada bersifat lazim, rasmi mahupun istana yang semuanya membentuk disiplin sosial dan kepimpinan wanita,” katanya ketika berkongsi pandangan dalam Slot Bicara Wanita Alam Melayu sempena Ijtimā' Antarabangsa Perpaduan Ummah & Himpunan Alam Melayu Kali Ke-5 di sini, hari ini.

Program berkenaan berlangsung selama tiga hari bermula 2 hingga 4 April di Pekarangan Kompleks Sultan Negeri Terengganu dan dirasmikan oleh Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, YB Dato' Mohd Nor Hamzah mewakili Menteri Besar Terengganu YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, pada pukul 10 pagi tadi.

Menurut Dato' Mumtaz, budaya Melayu turut mengangkat



wanita melalui bahasa, seni dan ilmu sebagai medium pembentukan tamadun yang halus tetapi berpengaruh.

“Bahasa itu sendiri digelar bahasa ibunda, mencerminkan peranan wanita dalam melahirkan santun, adab dan pelbagai lenggok bahasa. Kita juga memiliki tulisan Jawi yang menjadi wahana penghasilan kitab-kitab ilmu.

“Dalam seni pula, gerak tari yang lembut termasuk dalam silat menunjukkan keindahan yang tersimpan kekuatan yang lembut pada zahir, namun mampu mempertahankan diri,” jelasnya.

Slot tersebut dimoderatori Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional YB Zuraidah Md Noor, manakala dua lagi ahli panel ialah Wali Kota Banda Aceh, Indonesia Illiza Sa'aduddin Djamil serta sarjana dari Brunei Darussalam YM Dr. Dayang Ummi Fa'izah Abd Rahman.

Mengulas aspek pemeraksanaan wanita, Dato' Mumtaz menekankan bahawa kepimpinan wanita

Melayu berakar dari institusi keluarga yang menjadi asas pembinaan masyarakat.

“Wanita dalam kepimpinan Melayu bermula daripada nenek kepada ibu dan anak. Jadi, isteri memerlukan sahabat dan pendokong daripada suami, manakala ibu ialah pendakwah utama dalam keluarga,” katanya.

Beliau turut menyorot sejarah kegemilangan empayar Melayu yang menyaksikan wanita memainkan peranan besar dalam kepimpinan, selain mengangkat figura seperti Cik Siti Wan Kembang sebagai contoh tokoh wanita berwibawa yang menguasai pelbagai bahasa dan berpengaruh dalam pentadbiran.

Katanya, kekuatan wanita hari ini turut didukung oleh pencapaian semasa termasuk kadar literasi dan penyertaan tinggi dalam institusi pengajian tinggi yang melahirkan sumber insan berkualiti.

“Wanita membentuk hampir 50 peratus populasi dan menjadi tunjang kepada generasi yang dibina dengan kebijaksanaan dan hikmah. Asasnya tetap sama, berpaksikan

“

Rumpun Melayu kaya dengan adat istiadat, sama ada bersifat lazim, rasmi mahupun istana yang semuanya membentuk disiplin sosial dan kepimpinan wanita,”

al-Quran, doa dan solat,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan wanita berperanan sebagai penghubung yang menyatukan masyarakat merentas pelbagai lapisan.

“Wanita menjadi penyatu dalam hubungan keluarga, kejiranan dan komuniti. Mereka juga berperanan dalam menjayakan program kewanitaan, kanak-kanak, keluarga, kebajikan dan keilmuan di pelbagai lokasi seperti masjid, sekolah, pasar dan ruang komuniti.

“Pendekatan kini turut melibatkan platform digital bagi memastikan mesej dakwah dan perpaduan dapat disampaikan secara lebih meluas dan berkesan,” katanya.

Tambahnya, peranan wanita sebagai ejen perpaduan perlu diperkukuh merentas pelbagai dimensi termasuk antara puak, parti, negeri, serantau hingga ke peringkat antarabangsa.

“Wanita juga boleh menjadi duta budaya melalui makanan dan seni, dengan kekuatan senyuman dan santunan yang menjadi identiti Melayu,” jelasnya.



# ADN Kelaboran santuni pelajar cemerlang SPM melalui ziarah rumah ke rumah

Oleh: Syamimi Manah

**TUMPAT, 7 April** – Ahli Dewan Negeri (ADN) Kelaboran YB Mohd Adanan Hassan menyantuni pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 melalui program ziarah dari rumah ke rumah sebagai tanda penghargaan atas kejayaan mereka.

Beliau memaklumkan ziarah tersebut melibatkan pelajar yang memperoleh keputusan 7A ke atas, selain turut menyampaikan sumbangan wang tunai serta gubahan bunga dan coklat sebagai cenderahati.

Menurutnya, program ziarah berkenaan telah dilaksanakan dalam dua siri bermula pada 2 April melibatkan Mukim Kampung Besut, Tanjung Che Mas, Kelaboran dan Jubakar Pantai.

“Seterusnya pada 5 April, kami menziarahi pelajar di mukim Kampung Chat, Gerong, Sungai Pinang, Pulau Besar dan Kok Keli.

“Ziarah ini akan diteruskan lagi pada tarikh lain melibatkan mukim Berangan, Cabang Tiga Berangan dan Selehong,” katanya di laman rasmi pada Ahad.

Beliau turut merakamkan uca-



pan tahniah kepada ibu bapa dan penjaga yang berjaya mendidik anak-anak dengan penuh komitmen serta meletakkan keutamaan terhadap pendidikan sehingga mencapai kejayaan cemerlang.

Tambahnya, kejayaan tersebut diharap dapat menjadi pemangkin motivasi kepada para pelajar untuk terus melakar kecemerlangan pada masa hadapan.

“Melihat senyuman mereka,

jelas terpancar kegembiraan hasil usaha tanpa jemu dan doa yang tidak putus daripada ibu bapa. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin untuk masa depan yang lebih gemilang,” ujarnya.

## Kebakaran melibatkan lapan rumah di Kedai Buloh, ADN Kijang segera turun padang



Oleh: Syamimi Manah

**KOTA BHARU, 4 April** – Ahli Dewan Negeri (ADN) Kijang YB Dato' Dr. Izani Husin segera turun padang untuk meninjau lokasi kebakaran sejurus menerima maklumat insiden yang berlaku di Cabang tiga Kedai Buloh, sekitar pukul 10 malam tadi.

Beliau berkata, berdasarkan

maklumat pihak bomba, tragedi berkenaan melibatkan lapan buah rumah yang terjejas akibat kebakaran itu.

“Saya menerima berita kebakaran yang berlaku di Cabang 3 Kedai Buloh sekitar pukul 10 malam tadi dan terus bergegas turun meninjau lokasi kejadian. Menurut pihak bomba, sebanyak lapan buah rumah telah terlibat dalam insiden


ini,” katanya menerusi kenyataan di laman rasmi, pada Jumaat.

Dalam pada itu, beliau turut menzahirkan ucapan takziah kepada semua keluarga yang terkesan dan mendoakan agar mereka diberikan kekuatan dalam menghadapi ujian berkenaan.

“Takziah diucapkan kepada semua keluarga yang terkesan. Semoga diberikan kekuatan dan

ketabahan menghadapi ujian ini. Insyallah, kita akan berusaha untuk bertemu serta menyantuni semua mangsa yang terlibat,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak bomba atas tindakan pantas dalam mengawal kebakaran daripada terus merebak, sekali gus mengelakkan kerosakan yang lebih besar.





Wanita Melayu penghubung perpaduan ummah berteraskan warisan, hikmah

## Kesatuan ummah perlu diperkasa melalui kekuatan ekonomi

Oleh: Norzana Razaly

KUALA NERUS, 2 April – Kesatuan ummah tidak boleh berdiri hanya atas semangat dan retorik, sebaliknya memerlukan asas ekonomi yang kukuh bagi memastikan kelangsungan kemandirian serta daya tahan menghadapi tekanan luar.

Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu YB Dato' Mohd Nor Hamzah menegaskan, kekuatan ekonomi merupakan tunjang utama dalam memperkukuh kesatuan ummah secara menyeluruh.

“Kesatuan juga memerlukan asas yang kukuh dari aspek ekonomi. Tanpa kekuatan ekonomi, kita akan terus bergantung dan mudah terdedah kepada tekanan daripada luar,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika mewakili Menteri Besar Terengganu YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, merasmikan Program Ijtimak Antarabangsa Perpaduan Ummah dan Himpunan Alam Melayu di Pekarangan Kompleks Sukan Negeri Terengganu, hari ini.

Menurutnya, usaha memperkasa ekonomi ummah perlu digerakkan secara tersusun dan strategik melalui pembangunan keupayaan,



pembukaan peluang ekonomi serta pengagihan kemakmuran yang lebih menyeluruh.

“Pendekatan ini penting bagi memastikan manfaat pembangunan dapat dirasai oleh seluruh lapisan masyarakat tanpa ada yang terci-cir,” jelasnya.

Dalam pada itu, Dato' Mohd Nor menyifatkan tema “Satu Ummah” yang diangkat menerusi program bertaraf antarabangsa itu amat bertepatan dengan realiti semasa yang menyaksikan kesatuan sering diuji oleh pelbagai perbezaan dan kepentingan.

“Kita hidup dalam zaman yang mencabar di mana perbezaan mudah menjadi jurang yang dalam, manakala kesatuan pula sentiasa diuji oleh kepentingan yang pelbagai,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru semua pihak agar kembali kepada asas kesatuan sebenar dengan berpaksikan nilai ilmu, adab dan rasa hormat dalam mengurus kepelbagaian.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan bahawa tradisi Alam Melayu yang diwarisi sejak sekian lama telah membentuk kerangka pemikiran, bahasa dan kenegaraan yang tersendiri, seterusnya diperkukuh dengan kedatangan Islam yang menyusun nilai tersebut dengan adab yang lebih tinggi.

“Daripada gabungan ini lahir jati diri Melayu-Islam yang sederhana, seimbang dan berakar umbi. Tanggungjawab kita hari ini adalah memastikan jati diri ini terus hidup, bukan sekadar nostalgia, tetapi sebagai panduan menghadapi dunia

“ Apa yang penting ialah bagaimana kita mengurus perbezaan itu dengan ilmu, adab dan rasa hormat. Di situlah terletak kekuatan sebenar sesebuah ummah,”

yang semakin kompleks,” jelasnya.

Tambahnya, kepelbagaian mazhab dan pandangan dalam kalangan umat Islam merupakan suatu realiti yang perlu diurus dengan bijak.

“Apa yang penting ialah bagaimana kita mengurus perbezaan itu dengan ilmu, adab dan rasa hormat. Di situlah terletak kekuatan sebenar sesebuah ummah,” katanya.

Program tersebut menghimpunkan para cendekiawan, budayawan dan pemimpin masyarakat dari Brunei, Filipina, Indonesia, Thailand, Singapura, Vietnam, Sri Lanka dan Malaysia bagi memperkukuh jaringan perpaduan ummah dan memperkasa peranan Alam Melayu di pentas global.

